

**BERITA ONLINE
BERITA HARIAN
TARIKH: 29 NOVEMBER 2021
(ISNIN)**



2 vaksin tempatan dalam proses ujian klinikal

November 29, 2021 @ 10:40pm



Dr Adham (kanan) hadir Program Buletin Bernama di Wisma Bernama, hari ini.- Foto Bernama

KUALA LUMPUR: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang dalam proses menjalankan dua ujian klinikal terhadap vaksin dihasilkan dalam negara melalui penubuhan Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI).

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata dua vaksin itu ialah vaksin kanser kepala dan leher atau "nasopharyngeal cancer" serta vaksin kolera, yang masing-masing akan melalui ujian klinikal di United Kingdom (UK) dan India, seawal tahun depan.

"Kita juga kini dalam proses pembangunan vaksin COVID-19 yang sedang dijalankan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dengan kerjasama Universiti Malaya (UM).

Kita yakin dengan adanya MGVI ini, Malaysia mampu menjadi hab pengeluaran vaksin yang dapat digunakan secara domestik dan juga dieksport ke luar negara,"

katanya dalam rancangan Ruang Bicara Aspirasi Keluarga Malaysia terbitan Bernama TV di sini, hari ini.

Pada 1 November lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melancarkan Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN) dan MGVI dalam usaha menjadikan negara sebagai antara hab pengeluaran vaksin.

"MGVI akan menjadi sebuah badan yang menjalankan koordinasi antara pakar, industri dalam dan luar negara, serta pembangunan bakat yang perlu untuk menjadi tunjang kepada pembangunan vaksin di masa akan datang," katanya.

Sementara itu, Dr Adham berkata, peranti mudah alih saringan COVID-19, i-Breath yang kini memasuki fasa akhir praklinikal dijangka dapat dikomersialkan menjelang Jun tahun depan, selepas melalui ujian klinikal.

"i-Breath akan masuk ke fasa ujian klinikal membabitkan beberapa fasa dalam tempoh enam bulan, sebelum ia selesai dan boleh dikomersialkan dan dipasarkan.

"Kita harap ada pihak antarabangsa yang akan mendapatkan peranti ini untuk kegunaan mereka kerana kita menyasarkan penggunaan i-Breath ini bukan saja di peringkat domestik tetapi juga di peringkat antarabangsa," katanya.

MOSTI memperuntukkan dana sejumlah RM1.05 juta dalam pembangunan peranti i-Breath dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang boleh mengesan COVID-19 dengan sensitiviti sehingga 93 peratus dengan hanya perlu bernafas menggunakan peranti mudah alih itu. – BERNAMA